



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 JANUARY 2017

Dulu salah, sekarang betul?

um-27/1/2017

KUALA LUMPUR 26 Jan. - Lim Kit Siang layak digelar 'tokoh hipokrit' terbesar apabila kini memilih untuk mempertahankan Tun Dr. Mahathir Mohamad setelah Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika Syarikat (AS) mendedahkan dokumen mengaitkan bekas Perdana Menteri itu dengan skandal kewangan Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMF).

Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Huan Cheng Guan berkata, sebelum ini, Penasihat DAP itu merupakan individu utama yang menentang habis-habisan pentadbiran Dr. Mahathir sekitar tahun 1980-an di dalam dan di luar Parlimen dengan menjadikan BMF sebagai isu utama.

Katanya, Kit Siang telah meyakinkan pengundi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Seremban pada tahun 1983 untuk mengeluarkan 10 tuntutan mengenai penyiasatan Skandal BMF yang dibacakan beliau dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun tersebut.

"Kit Siang telah menuntut Parlimen untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat skandal BMF. Beliau juga telah menerbitkan buku mengenai skandal kewangan itu.

"Tetapi pada hari ini apabila rakyat berbicara mengenai soal Skandal BMF kesan daripada pendedahan laporan CIA itu,

Kit Siang memilih untuk bersama Dr. Mahathir, individu yang pernah beliau tuduh mempunyai hubungan dengan skandal BMF 34 tahun lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Baru-baru ini, *The Asian Correspondent* melaporkan mengenai dokumen rasmi itu dengan mengaitkan pentadbiran Dr. Mahathir sehingga menyebabkan kerugian kira-kira AS\$1 bilion.

Walau bagaimanapun, sebagai respons kepada pendedahan CIA itu, Dr. Mahathir menuduh ia dibangkitkan yang bermotifkan politik.

Dalam sidang akhbar di Pulau Pinang semalam, Kit Siang dilihat cuba mempertahankan Dr. Mahathir dengan menyatakan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) jauh lebih serius berbanding skandal BMF itu sekali gus mendakwa dokumen CIA tersebut tidak mengandungi sebarang maklumat baharu.

Dalam pada itu, Cheng Guan berkata, Ahli Parlimen Gelang Patah itu telah menyerlahkan sikap sebenar dirinya apabila beliau hanya berjuang demi kepentingan politik partinya sahaja dan bukan untuk rakyat.

"Setiap isu yang dibangkitkan oleh Kit Siang adalah manipulasi jahat bertujuan untuk mendapat sokongan dan populariti daripada rakyat semata-mata," katanya.



HUAN CHENG GUAN